

Rakyat diminta terus patuh SOP

Putrajaya: Kebenaran diberikan kepada pusat pelancongan dan hiburan, aktiviti riadah serta prasekolah beroperasi mulai hari ini, adalah sebahagian pendekatan negara ini dalam pembukaan semula ekonomi secara terkawal dan tersusun.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata penularan kes COVID-19 dalam komuniti negara ini dilihat terkawal, walaupun kerajaan sudah membenarkan beberapa sektor ekonomi dan beroperasi sepenuhnya sebelum ini.

Katanya, perkembangan positif berkenaan membuktikan 'pemulihan' negara untuk mengimbangi nyawa rakyat dan mata pencarian sudah bermula dengan pelaksanaan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan.

"Pematuhan kepada SOP ini paling utama dalam memastikan kes COVID-19 di negara ini terus berkurang, memandangkan lebih banyak subsektor akan dibuka esok (hari ini).

"Kerjasama orang ramai amat diperlukan oleh kerajaan bagi me-

mutuskan rantaian penularan COVID-19 di Malaysia.

"Justeru, kita berharap orang ramai tidak alpa dengan trend penurunan kes COVID-19 di negara ini.

"Sebaliknya, kita perlu lebih berwaspada serta mematuhi SOP dan mengamalkan langkah pencegahan pada setiap masa.

"Kerjasama semua pihak adalah amat penting untuk kita sama-sama memutuskan rantaian penularan jangkitan COVID-19 di negara ini," katanya dalam kenyataan, semalam.

Aktiviti dibenarkan mulai 1 Julai

- Pawagam
- Teater
- Acara langsung
- Kolam renang awam, persendirian, hotel
- Taman tema, taman tema air
- Majlis sosial, termasuk perkahwinan, akad nikah, pertunangan, tahlil, ulang tahun, hari lahir



- Prasekolah, TABIKA, TASKA
- Pusat spa, refleksologi, urut kaki
- Ibadat korban
- Mesyuarat, seminar, kursus, persidangan

Stesen Budaya
Betal Sentiasa
Lukis Negara

Sesuaikan majlis kahwin dengan normal baharu

Tarikh 1 Julai ini cukup bermakna bagi pasangan pengantin yang selama ini terpaksa menangguhkan hasrat mendirikan rumah tangga akibat pandemik COVID-19.

Mulai hari ini, resepsi perkahwinan dibenarkan dengan beberapa prosedur operasi standard (SOP) yang digariskan kerajaan.

Ertinya dalam keghairahan bakal mempelai menyambut detik bermakna ini, ada garis panduan yang perlu dituruti bagi memastikan majlis penuh keindahan tidak menjadi kluster penyebaran COVID-19 yang paling mengerikan.

Persoalannya, masihkah wujud budaya kemeriahan dan kemeraan sanak saudara, sahabat handai dan jiran tetangga dise-

babkan pengamalan normal baharu ini?

Ada beberapa SOP yang perlu diikuti oleh penganjur majlis perkahwinan. Tetamu yang hadir perlu duduk secara berjarakan, diambil suhu badan di pintu masuk (diisi nama dan maklumat diri dan suhu), makanan perlu disaji oleh pramusaji sahaja, majlis mestilah tidak melebihi lima jam dan tiada kontak rapat antara tetamu.

Jika sebelum COVID-19, pelukan, bersalaman, pautan bahu ke bahu sesama rakan dan berfoto rapat dengan mempelai adalah satu aktiviti wajib ketika resepsi meriah sebegini, namun kini ia terpaksa dilupakan.

Adakah hilang budaya keakraban dalam majlis yang akan dianjurkan nanti?

Kita sebagai rakyat yang pernah melalui fasa getir penularan wabak COVID-19 perlulah sentiasa meletakkan aspek keselamatan sebagai fokus utama.

Beberapa budaya perlu diubah mengikut situasi semasa. Salam kaut contohnya, mungkin perlu digantikan dengan meletakkan bekas di hadapan meja pengambilan suhu dan maklumat tetamu.

Bagi warga tua yang ingin benar ikut serta majlis cucunda yang menjadi raja sehari pada ketika itu, pihak tuan rumah bolehlah menyediakan bilik khas untuk mereka bersua muka selepas semua kekalutan tetamu yang hadir mula reda.

Bingkisan tuan rumah kepada tetamu mungkin dapat ditukar kepada pembasmi kuman yang

sememangnya penting penggunaannya kini. Kalaupun tidak dapat bersalam dan berpeluk erat, lemparkan senyuman dengan tangan di dada seikhlas hati.

Jadi, budaya keakraban dan kemeriahan pada majlis kenduri perkahwinan tidak hilang sepenuhnya. Cuma, tuan rumah perlu mengambil inisiatif yang lebih bijak selaras keperluan dan kehendak semasa.

Bagi tetamu pula, jangan membebaskan pihak penganjur dengan rencam permintaan. Ingatlah, sebagai tetamu kita iringkan pengantin dengan doa, bukan denda akibat melanggar SOP kenduri perkahwinan.

Azmi Md Said,
Bicara Pangeran

About 38,000 Johor preschoolers resume classes today

JOHOR BARU: Some 38,000 preschoolers from 1,781 government-run kindergartens are expected to begin classes today.

National Unity Minister Datuk Halimah Mohamed Sadique said these kindergartens would reopen with the new standard operating procedure (SOP).

"We have also allocated some RM2.44mil for cleaning and disinfecting these centres and to get hand sanitisers, thermometers and others," she said after visiting one of the centres in Skudai here yesterday.

She said she was happy with the SOP that was in place and urged parents to also follow the new guidelines and only send their child to the centres when they are well.

"We have implemented an SOP which is practical and can be implemented," she said.

Halimah said they were also looking at ways to improve nursery conditions such as adding more lights to brighten up centres to help the children with their learning.

"We are also hoping to update the syllabus which is about 11 years old," Halimah said, adding that a committee was overseeing these reviews.

Halimah stressed the need for education to be exciting so that the children would not get bored.



Learning is fun: Halimah (left) talking with children during a visit to Kelas Tabika Perpaduan dan Taska Genius Perpaduan at Taman Universiti in Skudai, Johor.

"You never know, one day our children may even be given iPads as part of their learning experience," she said.

Meanwhile, Halimah noted that

41 nurseries under her ministry with 947 children had started classes since June 16.

Johor presently has two such nurseries run by her ministry.

The 41 nurseries operate between 7.30am and 5pm.

The 1,781 kindergartens for preschoolers aged four to six operate between 7.30am and noon.

The Star 1/7/2020 m/s 6

1,781 Tabika Perpaduan mula dibuka hari ini

Libatkan seramai 38,000 kanak-kanak di seluruh negara

Oleh NOR AZURA
MD AMIN

JOHOR BAHRU

Seramai 38,000 kanak-kanak di 1,781 Taman Bimbingan Kanak-kanak (Tabika) di bawah Kementerian Perpaduan Negara di seluruh negara memulakan sesi persekolahan pada hari ini.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique berkata, bagi memastikan prosedur operasi standard (SOP) normal baharu dipatuhi, kementeriannya menyalurkan peruntukan sebanyak RM2.4 juta bagi proses sanitasi, menyediakan *sanitizer* dan peralatan diperlukan susulan normal baharu untuk menghalang



Murid di Taska Genius Perpaduan di Taman Universiti Skudai memulakan normal baharu penjarakkan sosial di kelas mereka.

penularan wabak koronavirus (Covid-19).

Pembukaan 41 buah Taman Asuhan Kanak-kanak (Taska) Genius Perpaduan pula adalah pada 16 Julai depan.

“Saya berpuas hati dengan SOP yang telah dipatuhi secara keseluruhannya dengan baik di Tabika dan Taska di bawah Kementerian Perpaduan Negara.

“Saya mengharapkan ibu bapa juga bersama-sama bertanggungjawab

dengan pengurusan Tabika atau Taska bagi memastikan anak mereka dalam keadaan sihat dan menyediakan kelengkapan anak,” katanya pada sesi lawatan ke Taska Genius Perpaduan di Taman Universiti Skudai di sini semalam.

Untuk rekod, terdapat dua Taska Genius Perpaduan di Johor iaitu di Taman Universiti Skudai dan Simpang Renggam.

Dalam pada itu beliau memberitahu, sebuah jawatankuasa telah

ditubuhkan bagi melihat semula silibus Taska bagi membolehkan penambahbaikan dari aspek pembelajaran dan nutrisi pemakanan.

“Sebuah jawatankuasa untuk melihat semula silibus Taska ini sudah ditubuhkan. Ada pendekatan baharu yang akan dimasukkan dalam modul permata genius.

“Jawatankuasa ini dipantau Timbalan Menteri Perpaduan, Datuk Seri Ti Lian Ker,” kata beliau.